

Rais yakin BN capai

UM 2 1 NOV 1999

PEMILIHAN Datuk Rais Yatim sebagai calon Barisan Nasional (BN) di kawasan Parlimen Jelebu turut mewarnai senario pilihan raya umum kali ini.

Rais memenangi kerusi Parlimen Jelebu pada pilihan raya umum 1974, 1982 dan 1986 atas tiket BN tetapi tewas pada pilihan raya umum 1990 dan 1995 atas tiket Parti Semangat 46 (S46).

Penampilan beliau atas tiket BN kali ini dilihat oleh ramai pemerhati sebagai suntikan baru ke dalam UMNO kerana reputasi sebagai tokoh yang berkarisma, berhemat dan berpengalaman.

Ia juga jelas membuktikan bahawa kepimpinan UMNO meletakkan kriteria yang luhur dalam pemilihan calon biarpun suatu ketika dulu Rais pernah mengisytiharkan 'bakar jambatan' ketika menyertai S46.

Ikutilah sedutan wawancara wartawan *Utusan*, Aziz Ishak terhadap penjelmaan baru bekas Menteri Penerangan itu dalam politik perdana orang Melayu.

Soalan: Apa reaksi terhadap pemilihan Datuk sebagai calon BN?

Rais: Pertama, sudah tentu saya bersyukur ke hadrat Allah dan keduanya, berbangga dapat berkhidmat menerusi parti asal saya iaitu UMNO dan BN untuk menegakkan perjuangan agama, bangsa dan negara.

Ketiga, saya cukup berterima kasih kepada pucuk pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad atas ke-

percayaan beliau. Sebenarnya saya tidak menjangkakan akan dipilih semula dan bagi saya ini suatu amanah. Lalu saya rasa lebih bertenaga dan berpeluang untuk menyumbang ke arah mewujudkan parti yang lebih kuat demi mencapai matlamat perjuangan asal. Kepada penduduk Jelebu, saya akan gunakan pengalaman saya untuk berbakti kepada mereka, insya-Allah.

Soalan: Bagaimana Datuk melihat peluang di Jelebu?

Rais: Saya mahu memastikan penguasaan berterusan BN di Jelebu berkekalan. Jelebu tidak pernah dimenangi oleh pembangkang walaupun dahulu saya nyaris memenangi semasa dalam S46. Perisa BN masih digemari oleh rakyat ketika saya bertanding atas tiket pembangkang. Perisa itu juga masih disukai. Saya yakin BN capai kemenangan lebih besar kali ini walaupun Pas dan Keadilan rancak berjalan di kawasan Parlimen ini.

Soalan: Datuk pernah isytihar bakar jambatan sebagai simbol kekecewaan ke atas kepimpinan UMNO dan kini jambatan itu dibina kembali. Pembangkang nampaknya memainkan isu ini ke atas Datuk?

Rais: Perbandingan jambatan terbakar semuanya itu telah pun saya jawab beberapa kali seperti dalam bentuk

kemenangan lebih besar

pantun. Sebenarnya saya kembali kepada parti asal, saya bukan lari. Perjuangan S46 tidak lari daripada agenda Melayu, perlembagaan S46 dulu adalah perlembagaan UMNO.

Saya tidak boleh disamakan dengan Anwar Ibrahim yang menderhakai perjuangan parti, bangsa dan kerajaan. Pada saya kita harus berpegang kepada lunas-lunas demokrasi, undang-undang dan budaya. Semasa bersama pembangkang, saya menghormati lunas-lunas itu.

Sumbangan saya dalam kerajaan juga lebih lama dari penglibatan saya dengan Tengku Razaleigh Hamzah (dalam S46). Bagi saya, orang boleh cakap dan nilai apa sahaja tetapi yang penting ialah keikhlasan.

Soalan: Pandangan terhadap Dr. Mahathir?

Rais: Pemilihan saya membuktikan Dr. Mahathir seorang yang bukan pendendam. Beliau mengukur seseorang secara objektif dan saya sangat menghormati pendirian demokratiknya selain kemampuan kepimpinan. Beliau telah buktikan kemampuan termasuk mengurus ekonomi negara dengan berjaya walaupun hebat dugaannya. Orang Melayu selayaknya terus memiliki kepimpinan yang berwawasan, teguh, berani dan berkualiti. Anak cucu kita tidak mampu memiliki pemimpin yang lemah dan mudah hilang pertimbangan.

Soalan: Bagaimana Datuk melihat pembangkang berdasarkan pengalaman dalam pembangkang pada dua pilihan raya umum lalu?

Rais: Saya sudah merasai apa ertinya membangkang dari luar. Saya insaf atas apa pembangkang boleh lakukan. Sepanjang 1989 - 1996, saya hanya dapat satu iktibar dan meyakini bahawa hanya melalui pokok perjuangan yang diterima rakyat, barulah kita dapat berbakti dengan lebih berkesan. Sebab itu saya insaf apatah lagi memikirkan nasib dan masa depan orang Melayu.

Kini tiada budaya meyakinkan dalam pembangkang

malah selalu terkeluar dari landasan. Ia lebih menurus kepada kemusnahan orang Melayu dan rakyat Malaysia. Sepatutnya budaya pembangkang mesti terhad kepada sosiobudaya dan bukannya bersifat peribadi.

Soalan: Apakah kemunculan ini memberi sinar baru dalam karier politik Datuk?

Rais: Saya menyerahkan banyak kepada pimpinan. Tetapi tugas dan komitmen saya sebagai pejuang dan aktivis UMNO tidak mungkin dapat dipertikaikan, tanggungjawab itu telah dilakukan dalam bentuk kegiatan penerangan sejak kembali kepada UMNO.

Apakah jadi pada politik saya tidak penting. Yang memanggil saya ialah suara kepentingan masa depan Melayu, bukannya jawatan atau kedudukan. Tugas saya hanya menguatkan kembali UMNO. Kalau saya mampu berbuat demikian, itupun terkira sudah sebagai satu kepuasan.

Soalan: Bagaimana Datuk lihat peluang BN ketika pakatan pembangkang mahu meranapkan rekod dua pertiga BN?

Rais: Saya yakin BN akan beroleh lebih dua pertiga, bererti sekitar 130 kerusi daripada 193 kerusi. Ini berasaskan kepada perkiraan bilangan kerusi pembangkang sekarang hanya 23. Paling banyak mereka boleh dapat tambahan ialah 30 kerusi. Ini bermakna kerajaan BN dapat 160 kerusi - bermakna hampir empat perlima. Itupun perkiraan liberal.

Namun saya percaya, rakyat tahu menilai dan tidak akan tergamak meranapkan ketuanaan Melayu dan kecemerlangan kerajaan yang ada. Kalau perolehan dua pertiga tidak tercapai maka pencapaian negara dalam alaf akan datang akan kembali merosot. Lagipun perjuangan kita untuk martabat rakyat masih belum selesai.